



---

# POLISI ANTI-SOGOKAN DAN RASUAH

## LANDASAN LUMAYAN SDN BHD

---



1 JANUARI 2022

*Edisi Pertama (2022)*

A black and white photograph of a business meeting. Two people in suits are shaking hands over a table. In the foreground, a hand is holding a tablet computer, and another hand is pointing at a document with a pie chart and bar graphs.

## KANDUNGAN

Bil	Tajuk	Muka Surat
1	Pengenalan	2
2	Objektif	3
3	Kenyataan Polisi	3
4	Pemakaian Polisi	4
5	Skop Polisi	4
6	Definisi	4
7	Polisi Anti-Sogokan dan Rasuah	6
8	Peraturan Berkaitan Hadiah	7
9	Peraturan Berkaitan Keraian dan Hiburan	7
10	Peraturan Berkaitan Derma dan Penajaan	8
11	Peraturan Berkaitan Pembayaran Pemudahan	8
12	Pengantara Pihak Ketiga dan Ejen	9
13	Sumbangan Politik	9
14	Tanggungjawab	10
15	Latihan Komunikasi	10
16	Pemantauan Dan Semakan	11
17	Melaporkan Pelanggaran Polisi	11
18	Ketidapatuhan Kepada Polisi	12
19	Semakan Semula Polisi	13
	Lampiran 1- Definisi Suapan dari SPRM	14
	Lampiran 2 – Borang Pengisytiharan Pembekal	15
	Lampiran 3 – Pengisytiharan Pekerja	17
	Lampiran 4 – Kesalahan – Kesalahan Rasuah	18
	Lampiran 5 – Panduan Apabila Berhadapan Dengan Isu Rasuah dan Penyelewengan	21

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Perlakuan rasuah dan penyelewengan menyumbang kepada ketirisan dan pembaziran di dalam sebuah organisasi. Ia juga turut menyebabkan reputasi organisasi terjejas dan membawa kepada risiko implikasi undang-undang bukan sahaja kepada pelaku-pelaku sogokan dan rasuah malahan kepada organisasi itu sendiri.
- 1.2 Sebagai sebuah organisasi yang menjadi pemacu kepada pembangunan Negeri Selangor yang progresif, Landasan Landasan Sdn Bhd (“**LLSB**”) dan Anak-anak Syarikat (“**Kumpulan LLSB**”), sekiranya ada, meletakkan integriti sebagai satu daripada nilai teras utama dalam semua urusan operasinya. Amalan integriti dan tadbir urus (“*governan*”) terbaik di samping kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan merupakan benteng yang akan memastikan perlakuan sogokan dan rasuah dapat dihindari dari meresap ke dalam budaya organisasi.
- 1.3 Oleh yang demikian, Polisi Anti-Sogokan dan Rasuah (“**Polisi**”) ini disediakan sebagai panduan kepada semua kakitangan Kumpulan LLSB, Ahli Lembaga Pengarah (“**ALP**”) LLSB, pihak berkepentingan dalam Kumpulan LLSB dan rakan perniagaan yang sedang atau akan berurusan dengan Kumpulan LLSB untuk mengetahui dan memahami kesalahan-kesalahan sogokan dan rasuah serta seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.
- 1.4 Polisi ini adalah diadaptasi daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (“**MBI**”) yang diterbitkan oleh dan di bawah portfolio seliaan Jabatan Integriti & Governans, (“**JIG**”) MBI.
- 1.5 Selaku pemegang ekuiti LLSB, MBI berperanan penting dalam memastikan keteguhan pengamalan integriti dan tadbir urus yang baik dan bersistematik di setiap syarikat milikan MBI.
- 1.6 Penguatkuasaan pematuhan terhadap Polisi ini adalah bertepatan dengan Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“**SPRM**”) iaitu “**TRUST**” di mana sesuatu organisasi perlu mewujudkan langkah kawalan dan kontingensi yang bersesuaian;

<b>T</b>	<i>Top Level Commitment</i>
<b>R</b>	<i>Risk Assessment</i>
<b>U</b>	<i>Undertake Control Pressure</i>
<b>S</b>	<i>Systematic Review, Monitoring And Enforcement</i>
<b>T</b>	<i>Training and Communication</i>

## 2. OBJEKTIF

2.1 Objektif Polisi ini adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Menggariskan kesalahan-kesalahan sogokan dan rasuah yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan-peraturan;
- 2.1.2 Memberi kefahaman dan rujukan mengenai kesalahan sogokan dan rasuah melalui huraian definisi serta contoh-contoh situasi;
- 2.1.3 Menggariskan tanggungjawab Kumpulan LLSB dan mereka yang bekerja untuk atau Kumpulan LLSB tentang tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan sogokan dan rasuah dalam operasi harian;
- 2.1.4 Memastikan Kumpulan LLSB mempunyai tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memahami dan menghindari perlakuan sogokan dan rasuah;
- 2.1.5 Sebagai satu mekanisme pencegahan bagi mengenal pasti, memahami dan menghindari perlakuan sogokan dan rasuah; dan
- 2.1.6 Melindungi Kumpulan LLSB daripada hukuman dan kesan yang mungkin berlaku akibat daripada tindakan sogokan dan rasuah atau dikaitkan dengan tingkah laku tersebut.

## 3. KENYATAAN POLISI

- 3.1. Kumpulan LLSB komited untuk menjalankan urusan perniagaan dengan penuh integriti. Ianya bermaksud mengelakkan segala amalan dan bentuk sogokan dan rasuah dalam operasi harian Kumpulan LLSB.
- 3.2. Kumpulan LLSB mengamalkan pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk sogokan dan rasuah serta mengambil pendirian yang kukuh terhadap perbuatan tersebut. LLSB memandang serius aktiviti-aktiviti sogokan dan rasuah, dan akan memastikan pematuhan terhadap peraturan dan akta undang-undang yang berkenaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- 3.3. Kumpulan LLSB akan mengambil langkah yang munasabah dan bersesuaian untuk memastikan amalan perniagaan tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti sogokan dan rasuah untuk mendapatkan kelebihan atau manfaat daripadanya.

#### 4. PEMAKAIAN POLISI

- 4.1 Semua kesalahan sogokan dan rasuah serta peraturan dan liabiliti yang dinyatakan di dalam Polisi ini adalah merupakan kesalahan yang ditegah di bawah undang-undang dan peraturan Kerajaan dan Kumpulan LLSB. Semua individu adalah dilarang melakukan atau terlibat dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Sebarang perlakuan sogokan dan rasuah serta kegagalan mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam Polisi ini boleh menyebabkan mana-mana individu diambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang dan tata tertib.
- 4.2 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme Polisi Anti-Sogokan dan Rasuah yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam Kumpulan LLSB hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Polisi ini akan diguna pakai.

#### 5. SKOP POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan Kumpulan LLSB, ALP LLSB, pihak berkepentingan dalam Kumpulan LLSB, rakan perniagaan yang sedang atau akan berurusan dengan Kumpulan LLSB, pembekal, ejen atau pihak ketiga yang bertindak untuk atau bagi pihak Kumpulan LLSB.

#### 6. DEFINISI

- 6.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

<b>Agensi Penguatkuasa Undang-Undang</b>	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia ("PDRM"), SPRM dan lain-lain
<b>Ahli Lembaga Pengarah LLSB</b>	Seseorang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah LLSB dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik sebagai Ahli dalam mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah LLSB
<b>Individu</b>	Individu dalam Polisi ini merujuk kepada kakitangan LLSB, Ahli Lembaga Pengarah LLSB, pihak berkepentingan dalam LLSB dan rakan perniagaan LLSB

<b>Kakitangan Kumpulan LLSB</b>	Seseorang yang dilantik bekerja untuk Kumpulan LLSB secara tetap, sementara atau kontrak <i>(Tertakluk kepada terma dan syarat lantikan di Kumpulan LLSB)</i>
<b>Pihak Berkepentingan dalam Kumpulan LLSB</b>	Organisasi yang ditubuh oleh Kumpulan LLSB seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Anak Syarikat termasuklah semua kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Pemegang Amanah anak syarikat
<b>Polisi</b>	Merujuk kepada Polisi Anti-Sogokan Dan Rasuah Kumpulan LLSB
<b>Rakan perniagaan</b>	Pembekal, kontraktor, perunding, juru audit, peguam, rakan niaga atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan Kumpulan LLSB serta pihak berkepentingan dalam Kumpulan LLSB
<b>Sogokan</b>	Tindakan meminta, memberi, menjanjikan menawar atau menerima ganjaran sebagai dorongan untuk sesuatu tindakan yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau pecah amanah
<b>Rasuah</b>	Apa-apa manfaat yang ditawarkan / diberi / diminta / dijanjikan / diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan atau untuk mempengaruhi sesuatu yang berkaitan dengan urusan Kumpulan LLSB
<b>Hadiah</b>	Pengertian ' <i>hadiah</i> ' di bawah <b>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998</b> merujuk kepada wang, harta alih atau tak alih, tambang percuma, saham, diskaun, komisen, hamper, cenderamata, kenderaan, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab dan sebagainya

<b>Tugas Rasmi</b>	Tugas yang berkaitan dengan tugas hakiki di Kumpulan LLSB atau mana-mana arahan yang diberikan oleh Ketua Jabatan
<b>Bayaran Pemudahan</b>	Bayaran yang dibuat untuk menjamin atau mempercepatkan prestasi oleh seseorang yang menjalankan tugas rutin atau pentadbiran atau fungsi
<b>Ejen</b>	Mana-mana orang bukan Kakitangan Kumpulan LLSB yang bertindak untuk dan bagi pihak LLSB untuk apa-apa urusan perniagaan atau perkhidmatan
<b>Tindakan Yang Memudaratkan</b>	Tafsiran tindakan yang memudaratkan adalah sepertimana maksud di dalam Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan LLSB

## 7. POLISI ANTI-SOGOKAN DAN RASUAH

- 7.1 Sogokan dan rasuah dalam semua bentuk yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Kumpulan LLSB adalah dilarang. Sebagai tambahan kepada sogokan dan rasuah, kakitangan Kumpulan LLSB tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti rasuah yang lain seperti pemerasan, pakatan sulit (*“collusion”*), pecah amanah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, penipuan, tuntutan palsu dan atau pengubahan wang haram.
- 7.2 Sogokan dan rasuah terdapat dalam beberapa bentuk apa-apa nilai seperti wang, barangan, perkhidmatan, harta, keistimewaan, kedudukan atau pekerjaan. Sila rujuk **Lampiran 1**. Oleh itu, kakitangan Kumpulan LLSB dan rakan-rakan perniagaan bersekutu tidak akan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) menawar, memberi, menerima atau mendapatkan apa-apa balasan bernilai, dalam usaha untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan seseorang dalam sesebuah organisasi lain, sama ada untuk manfaat Kumpulan LLSB atau orang-orang yang terlibat dalam urus niaga tersebut.
- 7.3 Polisi ini terpakai semasa urusan perniagaan Kumpulan LLSB dengan entiti komersial ("sektor swasta") dan kerajaan ("sektor awam"), dan termasuk interaksi dengan pengarah, kakitangan, ejen dan wakil-wakil lain yang dilantik di semua peringkat. Malah kemungkinan bayangan / persepsi sogokan atau rasuah perlu dielakkan, khususnya ketika berurusan dengan Pegawai Awam.
- 7.4 Polisi ini terpakai kepada semua negara di seluruh dunia, tanpa pengecualian dan tanpa mengambil kira adat serantau, amalan tempatan atau keadaan yang kompetitif.

- 7.5 Kakitangan Kumpulan LLSB yang enggan menerima rasuah atau mengambil bahagian dalam tingkah laku yang tidak mematuhi akta undang-undang atau peraturan, tidak akan dikenakan tindakan walaupun keengganan tersebut boleh menyebabkan Kumpulan LLSB kehilangan perniagaan atau mengalami kelewatan dalam operasi perniagaan.
- 7.6 Kumpulan LLSB mengiktiraf nilai integriti dalam diri kakitangan dan ALP. Proses perlantikan, latihan, penilaian prestasi, ganjaran, pengiktirafan dan kenaikan pangkat untuk semua kakitangan Kumpulan LLSB hendaklah direka untuk mengiktiraf integriti. Usaha wajar ("*due diligence*") akan dijalankan ke atas kakitangan Kumpulan LLSB yang memegang atau mungkin memegang jawatan yang terdedah kepada aktiviti sogokan dan rasuah.
- 7.7 Kumpulan LLSB tidak akan menawarkan pekerjaan kepada calon kakitangan sebagai balasan untuk manfaat terdahulu atau sebagai pertukaran manfaat yang tidak wajar.
- 7.8 Kumpulan LLSB memberi kontrak dan jawatan kepada kakitangan berdasarkan kepada merit. Oleh itu, segala bentuk surat sokongan tidak boleh diiktiraf sebagai sebahagian daripada proses pelaksanaan keputusan perniagaan.

## 8. PERATURAN BERKAITAN HADIAH

- 8.1 Hadiah seperti wang, tambang percuma, hiburan, hamper dan sebagainya tidak boleh diminta atau diterima oleh kakitangan Kumpulan LLSB daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi kakitangan tersebut yang boleh mempengaruhi pelaksanaan keputusan perniagaan Kumpulan LLSB. Hadiah juga tidak boleh diterima jika nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud ianya diberikan ataupun diminta dan diterima dengan niat rasuah atau niat jenayah.
- 8.2 Dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, kakitangan Kumpulan LLSB itu boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan untuk mendapat kelulusan.
- 8.3 Peraturan berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah adalah sepertimana Polisi Penerimaan dan Pemberian Hadiah serta Kod Etika dan Tatalaku Kumpulan LLSB.

## 9. PERATURAN BERKAITAN KERAIAN DAN HIBURAN

- 9.1 Keraian seperti kehadiran di acara sosial, majlis makan tengah hari atau makan malam boleh diterima sekiranya ia tidak mempengaruhi pelaksanaan tugas rasmi / membuat keputusan kakitangan Kumpulan LLSB dan tidak bertentangan dengan



apa-apa peraturan sepertimana yang dinyatakan dalam Kod Etika dan Tatalaku LLSB, Buku Peraturan dan Disiplin Kakitangan.

- 9.2 Walau bagaimanapun, hiburan tidak boleh diminta atau diterima oleh kakitangan Kumpulan LLSB daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi Kakitangan tersebut atau yang boleh menjejaskan reputasi Syarikat.

## **10. PERATURAN BERKAITAN DERMA DAN PENAJAAN**

- 10.1 Kakitangan Kumpulan LLSB hendaklah memastikan bahawa semua derma dan tajaan tidak digunakan sebagai alasan untuk mendapatkan rasuah atau digunakan untuk mengelak mana-mana peruntukan Kod Etika dan Tatalaku LLSB, khususnya larangan terhadap rasuah.

- 10.2 Selaras dengan komitmen Kumpulan LLSB untuk menyumbang kepada masyarakat serta nilai integriti dan ketelusan, semua derma dan penajaan mesti mematuhi perkara berikut:

- 10.2.1 Memastikan sumbangan tersebut dibenarkan oleh akta undang-undang dan peraturan yang terpakai;
- 10.2.2 Memperolehi semua kelulusan / kebenaran sepertimana yang dinyatakan di Had Kuasa LLSB;
- 10.2.3 Dibuat kepada organisasi yang mantap dengan struktur yang mencukupi untuk menjamin pentadbiran dana yang sepatutnya;
- 10.2.4 Direkod dengan tepat di dalam buku dan perakaunan syarikat; dan
- 10.2.5 Tidak boleh digunakan sebagai cara untuk menutup pembayaran yang tidak wajar atau rasuah yang boleh mempengaruhi pelaksanaan keputusan syarikat.

## **11. PERATURAN BERKAITAN PEMBAYARAN PEMUDAHAN**

- 11.1 Kakitangan Kumpulan LLSB dilarang membuat atau menggunakan pihak ketiga untuk membuat bayaran tidak rasmi atau bayaran pemudahan untuk mendapatkan atau mempercepatkan tindakan pentadbiran rutin seperti pemeriksaan kastam, visa, permit atau lesen.

- 11.2 Sekiranya kakitangan Kumpulan LLSB menerima permintaan untuk pembayaran pemudahan, kakitangan tersebut hendaklah melaporkan dengan segera permintaan tersebut kepada Pengarah Khidmat Korporat, LLSB.

11.3 Kumpulan LLSB mengutamakan keselamatan kesemua kakitangannya. Sekiranya ia melibatkan keselamatan dan sekuriti kakitangan Kumpulan LLSB, pembayaran pemudahan dibenarkan jika:

11.3.1 Tiada alternatif lain / pilihan terakhir untung melindungi keselamatan dan sekuriti kakitangannya;

11.3.2 Kelulusan daripada Pengarah Urusan Kumpulan LLSB telah diperolehi. Sekiranya pembayaran telah dibuat, kelulusan Pengarah Urusan Kumpulan LLSB mesti diperolehi secara retrospektif dengan kadar segera.

11.3.3 Satu laporan mengenai pembayaran tersebut hendaklah disediakan dan dimaklumkan kepada ALP dan pihak berwajib.

## 12. PENGANTARA PIHAK KETIGA DAN EJEN

12.1 Semua pihak ketiga (termasuk pembekal, ejen dan rakan perniagaan) yang mewakili untuk atau bagi pihak Kumpulan LLSB dikehendaki mematuhi Polisi ini.

12.2 Kumpulan LLSB menjangkakan bahawa semua pihak ketiga yang mewakili bagi pihaknya untuk berkongsi nilai dan piawaian etika Kumpulan LLSB. Ini adalah kerana tindakan mereka boleh memberi implikasi kepada Kumpulan LLSB secara sah dan boleh mencemarkan reputasi syarikat. Oleh itu, sebelum menyediakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak Kumpulan LLSB, semua pihak ketiga adalah tertakluk kepada usaha wajar ("*due diligence*") dan pengisytiharan penender / pembekal untuk memastikan bahawa mereka adalah rakan niaga yang sesuai digunakan dan mematuhi Polisi ini. Sila rujuk **Lampiran 2** untuk Borang Pengisytiharan Pembekal.

12.3 Klausula standard dalam semua kontrak dengan pihak ketiga hendaklah dimasukkan di mana Kumpulan LLSB boleh menamatkan kontrak sekiranya sogokan atau tindakan rasuah telah dibuktikan berlaku. Klausula tambahan juga boleh dimasukkan untuk pihak ketiga yang mewakili Kumpulan LLSB di mana risiko rasuah yang lebih tinggi telah dikenalpasti.

12.4 Pihak ketiga yang berurusan dengan Pegawai Awam bagi pihak Kumpulan LLSB hendaklah bersetuju, secara bertulis untuk mematuhi semua akta undang-undang anti-rasuah serta Polisi ini.

## 13. SUMBANGAN POLITIK

13.1 Kumpulan LLSB tidak memberi atau menawarkan secara langsung atau tidak langsung sumbangan politik samada dalam bentuk tunai atau barangan atau perkhidmatan yang sama nilainya kepada parti politik, pegawai parti politik atau

calon untuk jawatan politik. Wakil-wakil tidak boleh membuat atau menawarkan sebarang sumbangan atau derma politik bagi pihak Kumpulan LLSB.

- 13.2 ALP atau kakitangan Kumpulan LLSB boleh memilih untuk memberi sumbangan politik secara peribadi bersesuaian dengan had yang telah ditetapkan oleh undang-undang terpakai. Walau bagaimanapun, ALP atau kakitangan Kumpulan LLSB harus menjelaskan bahawa hubungan politik tersebut adalah di atas kapasiti mereka secara individu.

#### 14. TANGGUNGJAWAB

- 14.1 Semua ALP dan kakitangan Kumpulan LLSB dikehendaki menjalankan tanggungjawab dan obligasi yang berkaitan dengan pendirian Kumpulan LLSB mengenai anti-sogokan dan rasuah.
- 14.2 Pihak pengurusan Kumpulan LLSB mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa keperluan Polisi ini diguna pakai dan dipatuhi dalam Jabatan atau fungsi mereka dan memantau pematuhan terhadap Polisi ini. Mereka juga mesti memastikan bahawa kakitangan bawahan yang jawatannya terdedah kepada aktiviti-aktiviti sogokan dan rasuah menghadiri latihan atau seminar / kursus yang berkaitan.
- 14.3 Semua kakitangan Kumpulan LLSB hendaklah mengesahkan secara bertulis bahawa mereka telah membaca, memahami dan akan mematuhi Polisi ini. Salinan pengisytiharan ini hendaklah didokumenkan dan disimpan oleh Jabatan Khidmat Korporat di dalam fail peribadi kakitangan semasa tempoh perkhidmatan. Rujuk **Lampiran 3** untuk sampel borang pengisytiharan.
- 14.4 Semua pembayaran yang dibuat kepada pihak ketiga dalam urusan perniagaan biasa hendaklah direkodkan dengan tepat dan disimpan. Ia bertujuan sebagai bukti bahawa pembayaran tersebut adalah "*bona fide*", dan tidak dikaitkan dengan perlakuan rasuah dan / atau tidak beretika. Semua akaun, invois, dokumen dan rekod yang berkaitan dengan urusan dengan pihak ketiga, seperti pelanggan, pembekal dan rakan perniagaan, perlu disediakan dan disimpan dengan tepat dan lengkap.

#### 15. LATIHAN KOMUNIKASI

- 15.1 Program latihan dan kesedaran untuk semua kakitangan Kumpulan LLSB akan dijalankan bagi menyediakan panduan mengenai pelaksanaan dan pematuhan Polisi ini, kesedaran mengenai langkah-langkah anti-sogokan dan rasuah, dan meningkatkan pengetahuan mengenai integriti dan etika kerja secara berterusan.

- 15.2 Latihan dan kesedaran ini juga akan dijalankan secara berkala kepada:
- 15.2.1 Kakitangan Kumpulan LLSB yang baru dilantik; dan
  - 15.2.2 Kakitangan yang dinaikkan pangkat / dipindahkan ke jawatan yang terdedah kepada aktiviti-aktiviti sogokan dan rasuah.
- 15.3 Jabatan Khidmat Korporat hendaklah menyimpan semua rekod latihan yang berkaitan dengan polisi ini di dalam fail peribadi kakitangan.
- 15.4 Pendekatan toleransi sifar Kumpulan LLSB terhadap sogokan dan rasuah akan disampaikan kepada semua pembekal, kontraktor, ejen, rakan perniagaan dan lain-lain secara berterusan dan mengikut kesesuaian.

## **16. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN**

- 16.1 Sekiranya kelompangan atau kelonggaran dikesan semasa pelanggaran Polisi, proses semakan semula, atau apabila terdapat perkembangan baru dalam industri, undang-undang dan peraturan, penambahbaikan terhadap Polisi akan dipertimbangkan dan / atau diperbaiki dengan kadar segera.
- 16.2 Penilaian risiko akan dijalankan secara berkala untuk mengenal pasti risiko sogokan dan rasuah yang boleh mempengaruhi objektif syarikat, dan seterusnya menilai keberkesanan kawalan dalaman untuk mencapai objektif tersebut.
- 16.3 Semua Kakitangan Kumpulan LLSB bertanggungjawab ke atas kejayaan Polisi ini dan hendaklah memastikan mereka memahaminya dan menggunakannya untuk melaporkan sebarang salah laku yang disyaki.

## **17. MELAPORKAN PELANGGARAN POLISI**

- 17.1 Kakitangan Kumpulan LLSB yang mengetahui apa-apa pelanggaran Polisi samada sebenar atau disyaki, dikehendaki membuat laporan seperti yang dinyatakan dalam Polisi Pemberi Maklumat.
- 17.2 Setiap kakitangan Kumpulan LLSB mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa kejadian sogokan dan rasuah yang disyaki dilaporkan dengan niat baik, sama ada tanpa nama atau sebaliknya, hendaklah dengan kadar segera dalam tempoh yang dirasakan munasabah tanpa rasa takut terhadap tindak balas yang memudaratkan tanpa mengira hasil siasatan.
- 17.3 Tindakan balas dalam apa jua bentuk terhadap kakitangan Kumpulan LLSB di mana kakitangan itu melaporkan pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Polisi ini dengan niat baik adalah dilarang sama sekali. Mana-mana kakitangan Kumpulan LLSB yang didapati sengaja bertindak balas terhadap kepentingan

kakitangan tersebut di dalam syarikat yang melaporkan pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran polisi ini dengan niat baik, akan dikenakan prosiding tatatertib termasuk penurunan pangkat, penggantungan, pemecatan atau tindakan lain (termasuk tindakan undang-undang) yang boleh dikenakan oleh Kumpulan LLSB.

- 17.4 Mana-mana individu yang diberikan, dijanjikan atau ditawarkan rasuah atau pun telah diminta rasuah hendaklah melaporkan perkara ini kepada SPRM dan/atau PDRM. Kegagalan melapor tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan individu tersebut boleh didakwa sebagai melakukan kesalahan. Hukuman bagi kesalahan ini adalah:

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya; atau</li> <li>• Denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya; atau</li> <li>• Penjara tidak melebihi 6 bulan atau denda atau kedua-duanya;</li> </ul>	<p>Seksyen 25(1) dan 25(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Seksyen 202 Kanun Keseksaan (Akta 574)</p>
--	---

Sila Rujuk **Lampiran 4** untuk kesalahan rasuah.

## 18. KETIDAKPATUHAN KEPADA POLISI

- 18.1 Ketidakpatuhan terhadap Polisi ini hendaklah dilaporkan kepada pihak Pengurusan atau ALP LLSB bertepatan pada masanya berdasarkan dengan tahap risiko yang dikenalpasti.
- 18.2 Kumpulan LLSB menganggap aktiviti sogokan dan rasuah sebagai perkara yang serius dan akan menggunakan penalti sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada Polisi ini. Bagi kakitangan Kumpulan LLSB, ketidakpatuhan boleh membawa kepada tindakan tatatertib termasuk penamatan perkhidmatan.
- 18.3 Bagi pihak luar, ketidakpatuhan boleh membawa kepada penalti termasuk penamatan kontrak. Tindakan undang-undang selanjutnya juga boleh diambil sekiranya ketidakpatuhan polisi ini dilakukan oleh individu atau organisasi yang boleh menjejaskan kepentingan syarikat.
- 18.4 Sekiranya laporan kepada pihak berkuasa yang berkaitan telah dilakukan, kerjasama penuh kepada pihak berkuasa tersebut hendaklah diberikan, termasuk tindakan selanjutnya yang boleh diputuskan oleh pihak berkuasa tersebut terhadap kakitangan yang disabitkan kesalahan.

Sila rujuk **Lampiran 5** untuk panduan apabila berhadapan dengan isu sogokan dan rasuah.

**19. SEMAKAN SEMULA POLISI**

19.1 Polisi akan disemak semula secara berkala dan boleh dipinda pada bila-bila masa. Kakitangan dan ALP LLSB akan dimaklumkan sepenuhnya mengenai sebarang semakan penting terhadap Polisi ini.

19.2 Sebarang pengecualian daripada Polisi ini mestilah diluluskan oleh ALP LLSB.

*(ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)*

**Lampiran 1**

**Definisi SUAPAN daripada SPRM**

- a) Wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).



## **BORANG PENGISYTIHARAN PEMBEKAL**

Syarikat kami, \_\_\_\_\_ (Nama Syarikat)

dengan nombor pendaftaran \_\_\_\_\_ (selepas ini akan

dirujuk sebagai “Pembekal” yang termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pegawai dan pekerja yang berhasrat untuk menjalankan sebarang urusan niaga perniagaan dengan Landasan Lumayan Sdn Bhd dan Anak-anak Syarikatnya (“Kumpulan LLSB”) untuk urusan niaga perniagaan dengan ini:

### **1. MENGISYTIHARKAN BAHAWA:**

- 1.1. Syarikat, Ahli Lembaga Pengarah, pegawai dan pekerja kami mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kod yang berkaitan dengan polisi-polisi Anti Sogokan dan Rasuah (Undang-undang berkaitan).
- 1.2. Tiada ganjaran kewangan dan/atau manfaat, yang dijanjikan, ditawarkan dan diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh Syarikat kami atau mana-mana pihak berkaitan yang diwakili/dilantik oleh Syarikat kami kepada kakitangan Kumpulan LLSB sebagai dorongan, insentif, ganjaran, hadiah, bonus untuk dipilih bagi urusan niaga perniagaan dengan Kumpulan LLSB.

### **2. MENGAKU JANJI BAHAWA:**

- 2.1. Syarikat kami berjanji tidak akan sama ada secara langsung atau tidak langsung menawarkan atau memberi apa-apa rasuah atau kelebihan yang tidak wajar (sama ada kewangan atau sebaliknya) kepada mana-mana individu dalam Kumpulan LLSB atau mana-mana individu lain yang mewakili Kumpulan LLSB, sebagai dorongan, insentif, ganjaran, hadiah, atau bonus untuk dipilih dan/atau untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan urusan niaga perniagaan dengan Kumpulan LLSB.
- 2.2. Syarikat kami berjanji tidak akan secara langsung atau tidak langsung, menawarkan atau memberi apa-apa rasuah atau kelebihan yang tidak wajar (kewangan atau sebaliknya) kepada mana-mana pegawai Kerajaan atau individu persendirian untuk mendapatkan atau mengekalkan kelebihan perniagaan bagi pihak Kumpulan LLSB semasa menjalankan urusan niaga perniagaan dengan Kumpulan LLSB.



**Lampiran 2 (Samb..)**

2.3. Jika penyiasatan terhadap pelanggaran terma polisi yang diterangkan di atas telah berlaku, Syarikat kami akan segera membekalkan butir-butir penuhnya kepada Kumpulan LLSB.

**3. BERSETUJU BAHAWA:**

3.1. Sekiranya Syarikat, pengarah, pegawai atau pekerja kami melanggar mana-mana perkara di atas, tindakan berikut boleh diambil oleh Kumpulan LLSB:

3.1.1. Pembatalan serta-merta bagi pemberian kontrak bagi projek tersebut tanpa sebarang liabiliti di pihak Kumpulan LLSB kepada Syarikat kami; dan

3.1.2. Penamatan kontrak serta-merta bagi projek tanpa sebarang liabiliti di pihak Kumpulan LLSB kepada Syarikat kami.

Tanpa menjejaskan mana-mana hak atau remedi lain, Kumpulan LLSB boleh mengambil apa-apa tindakan tatatertib lain yang Kumpulan LLSB fikirkan sesuai.

Sekiranya mana-mana individu cuba mendapatkan apa-apa rasuah atau kelebihan (sama ada kewangan atau sebaliknya) daripada Syarikat kami atau mana-mana individu lain yang berkaitan dengan Syarikat kami sama ada sebagai dorongan atau insentif untuk dipilih atau sebagai ganjaran, hadiah atau bonus untuk dipilih dalam urusan perniagaan, di mana Syarikat kami mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki sebarang pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran kewajipan dalam surat ini, kami akan melaporkan perkara tersebut dengan segera selaras dengan Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan LLSB.

Yang Benar,

---

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Nama Syarikat :  
Cop Syarikat :  
Tarikh :



**ANTI-SOGOKAN DAN RASUAH  
Pengisytiharan Pekerja**

Saya.....No.Kad                      Pengenalan:.....  
dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Polisi Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan LLSB. Saya dengan ini akan mematuhi perkara-perkara dan peruntukan yang dinyatakan di dalam polisi ini, seperti yang dikehendaki oleh kontrak perlantikan saya.

Saya memahami bahawa kegagalan mematuhi Polisi Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan LLSB boleh menyebabkan tindakan boleh diambil terhadap saya.

.....  
Nama                      :  
Jawatan                    :  
Syarikat                    :  
Tarikh                        :

## Kesalahan-kesalahan Rasuah

<p>Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia</p> <h3>Kesalahan Pertama</h3> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p><b>1 Meminta / Menerima Rasuah</b></p> </div> <p><b>DEFINISI</b> Mana-mana individu menerima / meminta suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara</p> <p><b>AKTA</b> ➤ Akta SPRM 2009 Seksyen 16</p> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center; margin: 10px 0;"><b>PENALTI</b></div> <div style="background-color: #ff0000; color: white; padding: 5px; margin: 5px 0;">Penjara tidak melebihi 20 tahun</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;"><b>dan</b></div> <div style="background-color: #ff0000; color: white; padding: 5px; margin: 5px 0;">Denda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai suapan RM10 ribu (mengikut mana-mana yang lebih tinggi)</div>	<p>Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia</p> <h3>Kesalahan Pertama</h3> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p><b>Intipati Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan 2018)</b></p> <p>Sesuatu organisasi komersil melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu secara rasuah memberikan suapan dengan niat mengekalkan perniagaan dan faedah organisasi tersebut</p> </div> <p><b>DEFINISI SYARIKAT KOMERSIL</b></p> <p>Syarikat diperbadankan dibawah Akta Syarikat 2016</p> <p>Perkongsian dibawah Akta Perkongsian 1961 &amp; Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012</p> <p>Suatu Syarikat / perkongsian di mana jua dan menjalankan perniagaan di Malaysia</p> <p><b>DEFINISI INDIVIDU BERSEKUTU</b></p> <p>Pengarah, pengawal, pegawai, pekongsi atau yang terlibat dengan pengurusan hal ehwal Syarikat</p> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center; margin: 10px 0;"><b>PENALTI</b></div> <div style="background-color: #ff0000; color: white; padding: 5px; margin: 5px 0;">Denda tidak kurang daripada 10 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM1 juta (mengikut mana-mana yang lebih tinggi)</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;"><b>atau</b></div> <div style="background-color: #ff0000; color: white; padding: 5px; margin: 5px 0;">Penjara tidak melebihi 20 tahun</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;"><b>atau</b></div> <div style="background-color: #ff0000; color: white; padding: 5px; margin: 5px 0;">Kedua-duanya sekali</div>
---	---

**Lampiran 4 (Samb..)**

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## Kesalahan Kedua

### 2 Menawar/Memberi Rasuah

**DEFINISI**  
Mana-mana individu menawar / memberi rasuah kepada seorang ejen / pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal ejen / pegawai awam tersebut.

**AKTA**  
▶ Akta SPRM 2009 Seksyen 17

**PENALTI**

Denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10 ribu (mana-mana yang lebih tinggi)

dan

Penjara tidak melebihi 20tahun

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## Kesalahan Ketiga

### 3 Tuntutan Palsu

**DEFINISI**  
Mana-mana individu menggunakan dokumen tuntutan (contohnya pesanan kerajaan, resit dan invoice) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya(majikan).

**AKTA**  
▶ Akta SPRM 2009 Seksyen 18

**PENALTI**

Denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10 ribu (mana-mana yang lebih tinggi)

dan

Penjara tidak melebihi 20tahun

**Lampiran 4 (Samb..)**

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## Kesalahan Keempat

**4 Menggunakan Kedudukan/ Jawatan untuk Suapan**

**DEFINISI**  
Pegawai menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, SAUDARA atau sekutunya mempunyai kepentingan


**AKTA**  
▶ Akta SPRM 2009 Seksyen 23

**PENALTI**

Denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10 ribu (mana-mana yang lebih tinggi)

dan

Penjara tidak melebihi 20 tahun



**Panduan apabila berhadapan dengan isu rasuah dan penyelewengan****TOLAK**

1. Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran, pemberian atau permintaan rasuah itu. Berikutnya, individu tersebut hendaklah dengan segera melaporkan perkara ini kepada Ketua Jabatan atau mana-mana Pegawai Jabatan Integriti & Governans MBI.
2. Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasannya untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah dan penyelewengan ataupun sesuatu perbuatan yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, maka individu tersebut hendaklah menolak arahan berkenaan dan dengan segera melaporkan ini kepada parawais yang lebih atas dan mana-mana pegawai Jabatan Integriti & Governans MBI.

**DIAM**

1. Mana-mana individu yang telah membuat laporan berkaitan kesalahan rasuah dan penyelewengan dilarang mendedahkan laporan berkenaan kepada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan bagi memastikan dan melindungi apa-apa keterangan dan bahan bukti berkaitan kesalahan tersebut daripada terjejas atau dimusnahkan.
2. Individu berkenaan juga hendaklah turut merahsiakan identiti dan butiran mengenai pihak yang memberitahu kepadanya berkaitan suatu kesalahan rasuah dan penyelewengan itu daripada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan untuk melindungi pemberitahu itu daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.